



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7264 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

15 September 2026

**KENYATAAN MEDIA YANG BERHORMAT PENGERUSI
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PROSIDING LEMBAGA TABUNG HAJI**

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini telah memulakan sesi prosiding pertama berhubung Lembaga Tabung Haji (LTH) di Parlimen Malaysia.
2. Bagi prosiding ini, PAC telah memanggil saksi-saksi utama iaitu Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku pihak kementerian kawal selia, serta Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) LTH dan pengurusan kanan LTH.
3. Prosiding yang telah dijalankan selama hampir empat jam ini bertujuan untuk mendapatkan penjelasan rasmi dan perkembangan terkini berhubung dengan pelaksanaan syor-syor penambahbaikan yang digariskan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi Menyiasat Isu Pengurusan dan Operasi LTH dari Tahun 2014 hingga 2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 11 Ogos 2026.
4. Ini termasuk isu-isu berkaitan kawal selia Kerajaan ke atas LTH, serta pengurusan, tadbir urus, dan kewangan LTH, terutamanya dalam memastikan kemampunan operasi LTH dalam tempoh jangka panjang di sebalik ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia.

5. Bagi prosiding seterusnya, PAC akan memanggil semula saksi-saksi yang hadir pada hari ini bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, PAC juga akan memanggil saksi berkaitan yang lain, termasuk YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), dan wakil-wakil dari Kementerian Kewangan (MOF), agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, dan Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. (UJSB) sebelum PAC membentangkan penyata di Dewan Rakyat.
6. Pada masa sama, PAC juga sedang dalam proses memuktamadkan penyata bagi isu-isu lain seperti pengurusan perkhidmatan bayaran wang jaminan mahkamah melalui sistem e-Jamin, kutipan hasil yuran dan perbelanjaan Universiti Kebangsaan Malaysia, pelaksanaan Program Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) negara, dan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB).
7. PAC akan terus melaksanakan peranan semak dan imbang ini selaras dengan fungsi terasnya demi memastikan akauntabiliti LTH khususnya dan Kerajaan secara amnya, sekali gus mengukuhkan semula keyakinan jutaan pendeposit terhadap LTH selaku institusi ulung yang menguruskan dana deposit haji jutaan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

DATUK WIRA MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN

Pengerusi PAC Parlimen